



**SYARAT- SYARAT UMUM PENYERTAAN ANUGERAH MEDIA PERKESO
iLINDUNGu 2026**

SYARAT-SYARAT UMUM PENYERTAAN

1. Kandungan karya mestilah menonjolkan secara jelas peranan, sumbangan atau impak keselamatan sosial, termasuk inisiatif dan usaha PERKESO dalam melindungi rakyat.
2. Karya yang dipertandingkan hendaklah telah diterbitkan atau disiarkan dalam tempoh **1 Januari 2026 hingga 20 Oktober 2026** dan perlu dihantar kepada Sekretariat Anugerah Media PERKESO 2026, Malaysian Press Institute (MPI) untuk dinilai.
3. Setiap peserta hanya dibenarkan menyertai maksimum dua (2) kategori, dengan syarat karya yang dihantar adalah berbeza bagi setiap kategori.
4. Artikel/Karya dalam Bahasa Cina atau Tamil mestilah disertakan terjemahan lengkap dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dan tidak berbentuk advertorial berbayar (media buy) atau bersifat promosi berbayar.
5. Format penghantaran bahan adalah seperti berikut:
 - a. Foto: JPEG atau PNG
 - b. Keratan akhbar: PDF
 - c. Video: MP4 (Resolusi minimum 720p, digalakkan 1080p)
6. **PERKESO berhak menggunakan semua karya yang dikemukakan bagi tujuan promosi, publisiti dan dokumentasi rasmi agensi. Setiap karya yang digunakan akan dipaparkan bersama templat atau penjenamaan khas sebagai pernyataan bahawa karya tersebut merupakan penyertaan Anugerah Media PERKESO 2026.**

7. Setiap wartawan/anggota media hendaklah mengemukakan kad media yang sah daripada Jabatan Penerangan Malaysia, manakala yang berstatus sambilan (stringer) perlu menyertakan surat pengesahan jawatan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarang atau Bahagian Sumber Manusia organisasi media masing-masing.
8. Wartawan sambilan, jurugambar sambilan, jurukamera sambilan, pereka grafik sambilan, dan penyunting video sambilan yang mewakili mana-mana organisasi media berdaftar juga layak menyertai pertandingan ini.
9. Bahan penyertaan hendaklah telah diterbitkan melalui mana-mana platform media cetak, elektronik atau digital di bawah organisasi media yang berdaftar dan tempat peserta berkhidmat, dalam tempoh yang telah ditetapkan. Karya yang dihantar mestilah asli, bukan saduran atau plagiat, dan dimiliki sepenuhnya oleh peserta atau organisasi media yang diwakili.
10. Penyertaan mestilah dikemukakan secara teratur dan mengikut spesifikasi yang dinyatakan dalam borang permohonan rasmi dan setiap penyertaan hendaklah disertakan dengan pengakuan dan pengesahan rasmi daripada Ketua Pengarang atau pengurusan tertinggi agensi media berkenaan.
11. Penyertaan terbuka kepada warganegara Malaysia dan Pemastautin Tetap (PR) yang bekerja sepenuh masa, separuh masa atau sambilan sebagai wartawan, jurugambar, jurukamera, pereka grafik, atau penyunting video di mana-mana organisasi media cetak, elektronik atau digital yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
12. Keputusan panel juri adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.



**SYARAT- SYARAT KHUSUS PENYERTAAN ANUGERAH MEDIA
PERKESO
iLINDUNGu 2026**

SYARAT-SYARAT KHUSUS PENYERTAAN

1. Anugerah Kencana PERKESO LINDUNG Semua

Anugerah Kencana PERKESO LINDUNG Semua merupakan pengiktirafan tertinggi bagi menghargai kecemerlangan individu dalam menghasilkan naratif perlindungan sosial di Malaysia. **Karya Terbaik** hanya diberikan kepada naskhah yang memiliki impak nasional serta berjaya menyentuh segenap pelusuk isu perlindungan rakyat secara mendalam.

Karya yang dipilih wajib memenuhi impak laporan penyiasatan berpaksikan bukti, relevan, kesemasaan dengan kreativiti yang mampu mencetuskan perubahan positif dan solusi, kepada masyarakat dan negara.

2. Laporan TV & Video Terbaik

Anugerah ini diberikan kepada pihak media yang menghasilkan laporan, video atau karya berita terbaik dengan menghidupkan kisah-kisah manusia sejagat kisah tentang jatuh dan bangun, tentang harapan yang tidak pernah padam, serta realiti kehidupan yang sering berhadapan dengan ujian di luar jangka. Naratif yang diangkat harus memberi wajah dan suara kepada penerima-penerima faedah di bawah PERKESO, agar setiap kisah yang dipaparkan bukan sekadar berita, tetapi cerminan perjuangan insan yang dilindungi dengan penuh ihsan.

Syarat- syarat khusus

- a. Jenis laporan adalah seperti laporan khas dan dokumentari pendek berseri, program berbentuk wawancara **tidak layak** menyertai kategori ini.
- b. Durasi bagi laporan video atau audio tidak melebihi 10 minit bagi setiap siri.

- c. Setiap laporan bersiri dianggap sebagai satu penyertaan dengan syarat ia mengandungi dua atau tiga siri sahaja.
- d. Penggunaan elemen *artificial intelligence* adalah dibenarkan dalam kategori ini mengikut kreativiti dan perlu diisytiharkan dalam borang penyertaan. Ia meliputi karya sokongan seperti video dan foto.

3. Laporan Radio & Podcast Terbaik

Anugerah ini diberikan kepada pihak media yang menghasilkan laporan atau karya berita terbaik dengan menghidupkan kisah-kisah manusia sejaga; kisah tentang jatuh dan bangun, tentang harapan yang tidak pernah padam, serta realiti kehidupan yang sering berhadapan dengan ujian di luar jangka. Naratif yang diangkat harus memberi wajah dan suara kepada penerima-penerima faedah di bawah PERKESO, agar setiap kisah yang dipaparkan bukan sekadar berita, tetapi cerminan perjuangan insan yang dilindungi dengan penuh ihsan yang disiarkan menerusi platform radio dan podcast.

Syarat- syarat khusus

- a. Program radio adalah seperti laporan khas, ulasan, analisis, komentar, temubual yang disiarkan melalui elemen audio dan visual.
- b. Penyertaan untuk PODCAST mestilah berkaitan PERKESO meliputi perbincangan, mengupas dan menjelaskan isu-isu berkaitan. Penyertaan perlu dimuatnaik di dalam portal/ medsos atau platform rasmi agensi media. Setiap PODCAST dihadkan untuk 30 minit sahaja bagi tujuan penyertaan.

3. Laporan Media Cetak Terbaik

Anugerah ini diberikan kepada pihak media yang berjaya menghasilkan laporan atau karya berita terbaik dengan menghidupkan kisah-kisah manusia sejagat; kisah tentang jatuh dan bangun, tentang harapan yang tidak pernah padam, serta realiti kehidupan yang sering berhadapan dengan ujian di luar jangka. Naratif yang diangkat harus memberi wajah dan suara kepada penerima-penerima faedah di bawah PERKESO, agar setiap kisah yang dipaparkan bukan sekadar berita, tetapi cerminan perjuangan insan yang dilindungi dengan penuh ihsan.

Syarat- syarat khusus

- a. Laporan adalah berbentuk seperti laporan khas dan berita
- b. Setiap laporan bersiri dianggap sebagai satu penyertaan dengan syarat ia mengandungi dua atau tiga siri sahaja.
- c. Laporan berita hendaklah diterbitkan di platform media cetak seperti suratkhbar dan majalah.
- d. Tiada had patah perkataan.

4. Laporan Portal Terbaik

Anugerah ini diberikan kepada karya yang disiarkan secara dalam talian, melibatkan portal yang hanya beroperasi secara dalam talian, bukan kedua-duanya (cetak dan dalam talian).

Syarat- syarat khusus

- a. Laporan adalah seperti laporan khas dan berita
- b. Laporan berita hendaklah diterbitkan di platform media sosial rasmi pertubuhan media.
- c. Setiap penyertaan bagi kategori ini mestilah merangkumi tiga elemen iaitu
 - i. teks (laporan)
 - ii. gambar dan kapsyen
 - iii. video pendek (30 saat) atau video panjang 1:20 saat sahaja.Elemen ini perlu ada dalam posting yang sama.
- d. Tiada had patah perkataan.
- e. Penggunaan elemen *artificial intelligence* adalah dibenarkan dalam kategori ini mengikut kreativiti dan perlu diisytiharkan dalam borang penyertaan. Ia meliputi karya sokongan seperti video dan foto.

5. Foto Terbaik

Anugerah ini diberikan kepada individu yang berjaya menghasilkan hasil fotografi yang mempunyai nilai berita dan ciri-ciri estetika berhubung dengan bidang keselamatan sosial termasuk PERKESO.

Syarat- syarat khusus

- a. Penyertaan dibuka kepada semua pengamal media daripada media elektronik, media cetak dan media digital yang berkhidmat dengan organisasi media yang berdaftar.
- b. Setiap peserta boleh mengemukakan sehingga lima (5) penyertaan menggunakan kamera atau peranti mudah alih (mobile journalism). Setiap karya atau gambar hendaklah telah diterbitkan melalui sekurang-kurangnya satu platform media elektronik, media cetak, media digital atau media sosial organisasi media berkenaan.
- c. Setiap penyertaan hendaklah disertakan dengan kapsyen atau keterangan gambar yang bersesuaian serta artikel pautan yang berkait dengan gambar tersebut.
- d. Hasil foto mestilah asli dan merupakan hak cipta sepenuhnya milik peserta.